

IKHWĀN AL-MUSLIMĪN BERSATULAH SEKARANG...!

TEGAKKANLAH JIHAD SAUDARA-SAUDARA UNTUK MENEGAKKAN AGAMA ALLAH

(sambungan Qalam Bilangan 63)

(II)

(Di dalam keluaran yang lalu telah diterangkan bahawa telah diwajibkan kepada tiap-tiap umat Islam menegakkan hukum-hukum Allah supaya berjalan di dalam lingkungannya dan negaranya – kewajipan ini adalah suatu kewajipan yang wajib ditunaikan oleh umat Islam kerana bagi umat Islam yang berpegang kepada pengajaran agama Islam yang sebenar-benarnya itu tidak dapat memisah-misahkan di antara siasah dengan urusan ketatanegaraan).

(Oleh Pemerhati)

Saudara-saudara Ikhwān al-Muslimīn! Di dalam pemilihan umum yang sedang berjalan di Indonesia. Umat Islam, baik dari Masyumi atau Nahdat al-‘Ulamā’ atau pun Partai Sarekat Islam Indonesia memandang dan berkeyakinan bahawa menubuhkan atau menegakkan sebuah negara Islam dengan menyelenggarakan menerusi pemilihan umum (pilihan raya) di Indonesia sebagai yang dicita-cita mereka adalah satu *Jihad Akbar*, jihad besar – dan bagi mereka manjadi suatu kewajipan melaksanakannya – kewajipan yang wajib dilaksanakan oleh umat Islam seluruhnya.


“Setiap umat Islam, setiap orang Muslim dan setiap orang Muslimat yang mengaku beriman kepada Allah kepada Rasulnya dan kepada kitab al-Quran, wajib redha dan sedia menjalankan hukum Allah, dalam diri peribadinya, keluarganya, jiran dan tetangganya, kampung halaman, wilayah dan daerahnya, negaranya dan bangsanya” – kata Kiyai Isa Anshari. Keredhaan dan kesediaan menerima hukum Allah, ketentuan dan keputusan dari Allah, katanya lagi, menjadi

ukuran iman dan kemenangan hidupnya, seperti yang diterangkan dalam al-Quran (maksudnya): “Tidak lain sambutan umat Mukminin apabila mereka diajak kepada Allah dan Rasulnya supaya menghukum di antara mereka, ucapannya ialah: Kami dengar dan kami taat, dan mereka itulah yang akan mendapat kemenangan.” (Surah al-Nūr, Ayat 51).

Sami ‘nā wa aṭa ‘nā – Kami dengar dan kami taat! Tidak boleh mengelak mencari jalan keluar, dengan dalih dan alasan fikiran dan kemahuan hati. Tidak boleh menolak kerana harapkan apa yang dinamakan “Persatuan Nasional” atau “Kesatuan Nasional” dan sebagainya.

Tidak boleh mengadakan pilihan atau mencari titik persuaian orang ramai; Nafsu orang ramai, guna memelihara persatuan atau kesatuan – Kata Kiai Isa lalu membawa ayat al-Quran (maksudnya): “Tidak ada pilihan bagi Mukminin dan Mukminat apabila Allah dan Rasulnya telah menetapkan sesuatu urusan, dan barangsiapa yang derhaka kepada Allah dan Rasulnya (tidak menerima hukum Allah dan Rasul-Nya) maka

(muka tambahan 1)



Lebih daripada 500 orang Islam di Washington sedang mendengar syarahan dari hal sejarah perjuangan Nabi Muhammad (SAW) dan perkembangan agama Islam.

Sungguhny setelah ia dengan kesesatan yang nyata”.

(al-Aḥzāb: 36)

Saudara-saudara Ikhwān al-Muslimīn! Saya bawa keterangan-keterangan dan pendapat Kiai Muhammad Isa Anshari di sini adalah untuk menguatkan bahawa kenyataan itu datangnya bukannya daripada orang awam seperti saya tetapi daripada ulama’ Islam yang terkemuka bahkan banyak lagi ulama’-ulama’ yang berpendapat demikian itu.

Kewajipan kita umat Islam, yang beriman kepada Allah dan Rasulnya, untuk mengabdikan dirinya kepada Allah adalah kita akui di dalam perjanjian kita kepadanya selama lima kali sehari semalam. Tidakkah saudara-saudara ada membaca kalimah-kalimah ini dalam masa menghadap Tuhan: Dalam masa sembahyang lima waktu sehari semalam: *Wajjahtu wajhiya lillādhī faṭar al-samawāt wa al-arḍ ḥanīfan muslimān wamā anā minal musyrikīn. Inna ṣalāti wamuskū wamaḥyāya wamamātī lillāhi rabbil ‘alamīn. La sharīka*

(muka tambahan 2)

* * *

lahu wabidhalika umirtu wa anā minal muslimīn.

Maksudnya: “Aku hadapkan mukaku (wajahku) kepada Allah yang menjadikan tujuh petala langit dan bumi dalam keadaan cenderung kepada agama yang betul-betul dan tiadalah aku daripada orang-orang yang musyrik. Bahawasanya sembahyangku dan ibadahku, hidup dan matiku, bagi Allah tuhan seru sekalian alam. Tiada sekutu baginya, dan dengan yang demikian aku diperintahkan, dan adalah aku, daripada orang-orang Muslim”.

Ini, Ikhwān al-Muslimīn, adalah ikrar atau sumpah kita kepada Allah Subhanahu WaTaala. Kita berikrar di hadapannya tatkala kita menghadapkan wajah kita kepadanya, kepada yang berkuasa, bahawa kita adalah orang-orang yang cenderung kepada agama yang betul dan kita bukan daripada orang-orang yang musyrik. Kita memberi pengakuan di hadapannya bahawa sembahyang kita, ibadah kita hidup kita dan mati kita adalah kerana Allah Subhānahu Wa Ta’ālā yang tidak ada sekutu baginya dan kita diperintahkan kerananya.

(sambungan pada muka 40)

(sambungan dari muka tambahan 2)

Jika kita tidak menunaikan kewajipan kita apakah kita akan diakui sebagai seorang Islam yang tetap kepada ikrar dan janji? tidak! *Ihkwān al-Muslimīn* – tidak! Kita menjadi orang yang berdusta, menjadi orang yang berkata tetapi tidak menggunakan, kita bukannya hanya telah menjadi orang yang berdusta sesama kita manusia tetapi kita telah berdusta di hadapan Allah *Subhānahu Wa Ta‘ālā*, kita tidak berani dengan tegasnya menyatakan kepada umat bahawa “Jika kamu seorang Islam maka kewajipan kamu adalah menegakkan hukum-hukum Allah dengan jihad, harta dan tenaga dan juga perlu nyawa sekalipun dikorbankan untuk menegakkan perintah Allah dengan tulus dan ikhlas!

Tidak ada perasaan berbelah bagi orang-orang Islam untuk menegakkan kalimah Allah yang disampaikan oleh Rasulullah Muhammad (SAW). KepadaNya tempat kami bertahkim dan kepada perintah-perintahNya kita mesti ikut. Ia tidak boleh menyeberang kepada orang-orang lain yang membelakangkan pelajaran agama, yang berseru dengan suara agama tetapi di dalam gerak-gerinya mempermain-mainkan agama, melanggar hukum-hukum agama di tengah terang dengan perbuatan-perbuatan yang munafik!

“Demi Tuhanmu! tidak dipandang beriman mereka, hingga mereka menjadikan kamu (Ya Muhammad) tempat bertahkim dalam urusan yang mereka perselisihkan, dan hingga mereka menyerah dengan segala kesungguhan hati (taslim), kemudian tidak mereka merasa kesempitan (keberatan dalam hatinya) menerima keputusan yang kamu ambil” – (maksud ayat al-Quran Surah al-Nisā’: 65).

Tegas dan tepat firman Allah ini! Keredhaan dan kesiapan untuk menjalankan, untuk memperjuangkan hukum dan undang-undang tuhan adalah menjadi ukuran iman seseorang.

Redha dan bersedia berjuang menegakkan fahaman Islam menjadi ukuran dan tanda seseorang itu beriman – dan tiada ia beriman dan termasuk daripada golongan kaum muslimin jika tidak menunaikan kewajipan itu.

Rasulullah (SAW) bersabda (maksudnya) “Barangsiapa tidak memikirkan (menghendaki) urusan-urusan kaum muslimin (cita-cita umat Islam) bukanlah ia daripada golonganku”

Bukan daripada golongan kaum muslimin, saudara-saudara orang yang tidak memikirkan dan tidak mahu bekerja menegakkan kalimah tuhan di negaranya. Kita umat muslimin wajib insaf bahawa diwajibkan bagi kita memperjuangkan hukum dan undang-undang Islam supaya tegap berjalan di negara kita. Barangsiapa berusaha kepada jalan itu maka ia akan mendapat rahmat daripadanya, dan barangsiapa berusaha kepada jalan itu maka akan mendapat rahmat daripadanya, dan barangsiapa tidak memperdulikan dan membelakangkannya terutama menjadi “penjual agama” kerana muslihat dirinya jagalah balasan Allah kepadanya dan pandanglah orang itu sebagai ‘Abd Allāh Ibn ‘Abī munafiq yang dilaknat Tuhan dan patut kita berhati-hati kepadanya.

Orang-orang yang serupa itu, dipandang oleh Kiyai Isa Ansari bukan sahaja sebagai orang yang khianat kepada perjuangan Islam, kepada Allah dan Rasul-Nya tetapi juga khianat kepada iman dan tauhidnya sendiri. Bukan sahaja setakat khianat tetapi juga menjadi penentang dan musuh kepada Allah dan RasulNya, dan keluar daripada pimpinan Allah dan RasulNya. Wahai umat Islam – beri ingatlah kepada saudara-saudaramu supaya mereka tidak sampai kepada keadaan yang demikian.

(bersambung)